

KERTAS 2 PENULISAN

Masa : 1 JAM 15 MINIT

Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Jawab semua soalan.


Bahagian A

[10 markah]

Tulis lima ayat yang lengkap berdasarkan gambar.











Bahagian B

[15 markah]

Gambar di bawah menunjukkan cara-cara menjaga kesihatan gigi.

Tulis ulasan tentang cara-cara menjaga kesihatan gigi dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**.



Bahagian C

[25 markah]

Petikan di bawah menceritakan jiran baharu yang baru berpindah ke Taman Midah.

Lengkapkan petikan berdasarkan perkataaan diberi.

Saya sekeluarga tinggal di Taman Midah, Pandan Jaya, Kuala Lumpur. Kami menetap di sini 12 tahun. Pada suatu hari, seorang

(1) _____ ke taman itu. Nama
(jiran – baharu – berpindah)
jiran itu ialah Encik Hong dan Puan Mary Anne.

Ayah (2) _____ mereka.
(mengajak – mengangkat – barang)

Barang-barang mereka sangat banyak. Encik Hong dan isterinya ialah guru. Mereka berasal dari Ipoh, Perak. Mereka

(3) _____ manakala anak
(lima – anak perempuan – dewasa)
lelakinya, Seng Ho sebaya dengan saya.

Saya sangat gembira (4) _____
(berkenalan – rapat – Seng Ho)

Kami bercerita tentang hobi, cita-cita dan impian masing-masing.

Seng Ho (5) _____. Di sekolah lamanya, dia sering
(bercita-cita – guru – bapanya)
mewakili sekolah dalam pertandingan catur dan bola sepak.

Selepas siap mengangkat barang-barang, ayah mengajak Encik Hong sekeluarga ke rumah kami. Emak menyediakan jamuan ringan untuk mereka.

Saya dan keluarga sangat gembira kerana mendapat jiran baharu.